TARIKH : 16/12/23
SURAT KHABAR : Harian Metro
MUKA SURAT : 5



## 47 warga asing salah guna slip program RTK ditahan

**Johor Bahru:** Sebanyak 47 warga asing ditahan kerana disyaki menyalahgunakan slip Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0 dalam Ops Mahir di kawasan kilang di Kluang, kelmarin.

Pengarah Jabatan Imigresen Johor Baharuddin Tahir berkata, serbuan jam 10.30 pagi itu susulan aduan awam memaklumkan premis berkenaan menggajikan warga asing disyaki tidak mempunyai permit kerja sah.

Beliau berkata operasi itu melibatkan 51 pegawai daripada Bahagian Penguatkuasa negeri dan pegawai Kompleks Sultan Abu Bakar.

"Mereka yang ditahan terdiri daripada 23 lelaki warga India, 21 (Bangladesh), dua lelaki Sri Lanka dan seorang lelaki Pakistan dengan semua berusia 22 hingga 56 tahun.



*Kami menyeru kepada majikan agar merebut peluang mendaftarkan pekerja asing yang memenuhi syarat dalam program RTK 2.0 yang tamat pada 31 Disember ini"*

**Baharuddin**

"Tangkapan dibuat kerana mereka disyaki gagal mengemukakan sebarang dokumen perjalanan sah, tinggal lebih masa, menyalahgunakan Pas Lawatan Sosial selain melanggar syarat pas ditetapkan," katanya dalam kenyataan semalam.

Baharuddin berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c), Seksyen 15(1)(c), Peraturan 11 (7)(a) dan Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Menurutnya, semua ... hanan ditempatkan di ... pot Imigresen Setia ... pika di sini untuk sias... dan tindakan lanjut.

"Kami menyeru kep... majikan agar merebut ... luang mendaftarkan ... kerja asing yang me... nuhi syarat dalam p... ram RTK 2.0 yang ta... pada 31 Disember i... katanya. -Bernama

Oleh Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil
harisfadli@hmetro.com.my

# PATI TIDUR BERHIMPIT DALAM DUDUK

### *56 pendatang disumbat di inap desa dalam keadaan kotor, lapar sementara tunggu giliran pulang ke Indonesia melalui jalan laut*

**Shah Alam**

Dipaksa tinggal sementara dalam rumah kecil ibarat 'tin sardin' dalam keadaan kotor dan kelaparan sejak lima hari lalu.

Itu antara situasi perlu ditempuhi 56 warga Indonesia yang mahu pulang ke negara asal secara haram menggunakan laluan laut dikendalikan tekong darat.

Semua mereka bagaimanapun ditahan dalam serbuan di sebuah inap desa di Jalan Kebun di sini menerusi Op Pintas dilakukan anggota Bahagian D3 Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (Atipsom) Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman jam 9 malam kelmarin.

Wartawan Harian Metro yang mengikuti operasi itu mendapati inap desa empat bilik berkenaan berada dalam keadaan kotor, berbau busuk dan berselerak.

Bagasi pakaian semua pendatang tanpa izin (PATI) itu diletakkan di merata tempat.

Difahamkan, pihak ejen atau tekong darat menjadikan kediaman itu sebagai transit sebelum menyeludup keluar semua Pati terbabit ke Pantai Dumai di Indonesia.

Seramai 43 Pati lelaki tidur dalam keadaan duduk di kawasan ruang tamu yang sempit manakala 12 wanita tidur di dalam empat bilik.

Seorang Pati berkata, dia membayar RM3,500 kepada ejen untuk membawa dirinya dan isteri pulang ke Indonesia.

"Kami diarah transit di sini sebelum dibawa menaiki bot untuk pulang ke Indonesia.

"Di sini kami makan ala kadar. Kami hanya makan nasi, tempe air masak dan mi segera. Walaupun sudah membayar upah kepada ejen, mereka masih meminta RM50 setiap seorang konon untuk pembayaran rumah inap," katanya.

Sementara itu Timbalan Pengarah (Risikan Operasi) JSJ Bukit Aman, Deputi Komisioner Fadil Marsus berkata, pihaknya menahan empat suspek lelaki dipercayai bertindak sebagai penjaga dan pembantu penjaga.

Katanya, suspek yang semuanya warga Indonesia dipercayai aktif membawa migran keluar dan masuk menggunakan laluan laut tidak diwartakan sejak tiga bulan lalu.

"Suspek berperanan sebagai penjaga mendedahkan melakukan aktiviti itu menggunakan jalan laut dan menerima arahan daripada beberapa orang lelaki Acheh (ejen besar).

"Mereka terima upah dari ejen besar RM500 bagi setiap penghantaran. ... ap migran dikenakan ... bang bermula RM... hingga RM2,000 seor... katanya.

Menurutnya, tam... dibayar kepada ejen da... uruskan untuk berlepa... ri Tanjung Balai dan ... mai, Indonesia melalu... lan laut sebelum menc... di kawasan pantai se... Malaysia.

Katanya, pihaknya ... rampas kereta Honda ... dipercayai digunakan ... tuk membawa mig... RM1,000 dan tiga tel... bimbit pelbagai jenama...

"Semua tangkapan ... wa ke Ibu Pejabat Polis ... rah (IPD) Shah Alam u... siasatan mengikuti S... yen 26A Akta Atip... 2007.

"Siasatan turut dija... kan mengikut Seks... 6(1)(c) dan Seksyen 15(... Akta Imigresen 1959...





SUASANA rumah dipenuhi sampah dan bagasi pakaian Pat...



SEBAHAGIAN daripada 56 Pati yang ditahan dalam serbuan ...